

**Tan Sri Hamzah Abu Samah Seorang Yang Teratur - Dr Mahathir
Bernama
5 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Allahyarham Tan Sri Hamzah Abu Samah sebagai seorang yang teratur dan jujur.

"Allahyarham pernah berada di barisan kabinet semasa saya menjadi Perdana Menteri, beliau seorang menteri yang baik, beliau tidak pernah lupa untuk memberi laporan secara lisan secara terus kepada saya, dalam apa jua lawatan yang dilakukannya," kata Dr Mahathir.

Katanya Allahyarham juga seorang yang jujur dalam menjalankan tugasnya ketika bersama kerajaan dan juga semasa memegang jawatan sebagai presiden di Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri pengebumian Allahyarham Hamzah di perkarangan Masjid Negara di sini pada Rabu.

Hamzah, 88, meninggal dunia akibat sakit tua kira-kira pukul 3.30 petang Selasa (4 Sept) di kediamannya di Staffield Country Resort, Mantin, Negeri Sembilan.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata Allahyarham sentiasa diingati oleh rakyat negara ini berdasarkan sumbangan besar dalam memajukan sukan tanah air.

"Beliau (Hamzah) bukan sahaja pernah menjadi menteri kebudayaan, belia dan sukan paling lama tetapi turut memberi sumbangan besar terhadap kegemilangan bola sepak tanah air termasuk menjawat Presiden AFC.

"Banyak kejayaan sukan negara adalah daripada sumbangan Allahyarham dan pemergian beliau merupakan kehilangan besar kepada negara," katanya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Razali Ibrahim pula menyifatkan Allahyarham sebagai tokoh sukan negara yang tiada gantinya.

"Sebaik mendengar khabar Allahyarham meninggal dunia, hanya satu perkataan terlintas di fikiran saya iaitu sukan," katanya.

"Sememangnya sifat dedikasi Allahyarham dalam meningkatkan mutu sukan negara amat dihargai dan kini tanggungjawab kita ialah meneruskan kecemerlangan legasi sukan yang ditinggalkan Allahyarham untuk negara ini," katanya.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sukan Majlis Sukan Negara Datuk Abdul Jalil Abdullah berkata pemergian Allahyarham merupakan kehilangan besar kerana beliau merupakan individu yang bertanggungjawab menaikkan imej sukan Malaysia di mata dunia.

"Paling diingati dalam sejarah negara ialah beliau merupakan pemegang jawatan presiden MOM paling lama iaitu 22 tahun. Itu membuktikan beliau individu yang sangat komited dalam misi meningkatkan mutu sukan negara ke peringkat antarabangsa," katanya.

Bekas Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tan Sri Dr M.Jegathesan berkata dirinya antara individu bertuah kerana berpeluang mengenali Allahyarham yang terkenal dengan sifat merendah diri dan sanggup memberikan nasihat kepada sesiapa sahaja tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Katanya Allahyarham bukan sahaja seorang pemimpin yang tegas dalam menjalankan tugas malahan cekap ketika membuat keputusan selain sedia mendengar pendapat orang bawahannya.

"Saya boleh katakan pemergiannya merupakan suatu yang amat signifikan kerana beliau akan diingati sebagai individu yang paling penting dalam meletakkan asas sukan negara ke tahap hari ini," katanya.

Adik bongsu Allahyarham, Mohd Akil Abu Samah, 71, berkata dia berbangga kerana Allahyarham abangnya merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang diberi peluang menjadi Naib Presiden Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) setakat ini.

Katanya Allahyarham juga dianggap sebagai pemimpin dalam kalangan adik-beradik kerana sifatnya yang sangat memberi perhatian kepada hal ehwal keluarga.

Mohd Akil berkata sebagai anak ketiga daripada 10 adik beradik, Allahyarham sentiasa tenang dalam mengendalikan segala hal adik beradik dan tidak pernah melihat kemarahan di wajahnya.

"Baik adik-beradik, anak-anaknya atau cucunya sekalipun, tidak pernah kami semua melihat Allahyarham marah, begitulah juga yang terjadi sepanjang 10 tahun saya tinggal bersamanya suatu ketika dulu sebelum berpindah rumah kerana berumahtangga," katanya yang kini menetap di Taman Melawati, Hulu Klang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692255>